

Meningkatkan Penglibatan Murid Melalui Penggunaan iPad

Nuraishah Mahmood

nuraishah_mahmood@moe.edu.sg

Sanisah Rahim

sanisah_rahim@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Huamin

Abstrak

Pendekatan yang digunakan untuk mengajar Bahasa Melayu perlu bersifat menarik dan relevan supaya murid suka mempelajari Bahasa Melayu. Dalam era digital ini, murid diperkenalkan kepada aplikasi *Trail Shuttle* dengan tujuan untuk menggalakkan pembelajaran secara kolaboratif dan sekaligus merangsang minat murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Pelaksanaan pembelajaran ini berlandaskan kaedah 'Pembelajaran Luar Bilik Darjah' dengan bantuan alat ICT iaitu iPad. Aktiviti yang dinamik ini telah dilaksanakan sempena 'Minggu Dwibahasa' di mana 50 orang murid daripada Darjah 4 harus bekerjasama dalam kumpulan masing-masing untuk menyelesaikan beberapa tugas yang terdapat dalam aplikasi *Trail Shuttle* ini di kawasan sekolah. Melalui pemantauan guru-guru dan maklumat dari borang tinjauan yang diselesaikan oleh murid, penggunaan aplikasi *Trail Shuttle* ini telah berjaya menarik minat murid untuk mempelajari Bahasa Melayu dengan efektif dalam suasana yang menyeronokkan.

Kata Kunci: *Trail Shuttle*, Pembelajaran Luar Bilik Darjah, kolaboratif



PENGENALAN

Penglibatan murid dalam sesuatu pelajaran merupakan salah satu keinginan atau keprihatinan setiap guru semasa pembelajaran berlaku di dalam bilik darjahnya. Penglibatan murid dapat merupakan isyarat kepada guru bahawa suasana pembelajarannya pada hari itu amat berkesan dan mencapai matlamat pengajaran. Bagi membantu guru untuk mendapatkan penglibatan setiap murid dalam pengajarannya, maka satu kajian telah dijalankan.

Pengintegrasian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam pengajaran dan pembelajaran dijadikan salah satu kaedah untuk meningkatkan minat para murid dalam pengajaran bahasa dan budaya Melayu. Zamri & Mohamed Amin (2008) juga berpendapat bahawa multimedia bukan sahaja mampu dalam menyampaikan sesuatu maklumat dengan cepat, tepat bahkan ia juga mampu menjadi daya tarikan bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan.

Berdasarkan tinjauan awal daripada 50 orang murid Darjah 4 bersetuju bahawa penggunaan ICT sebagai alat bantuan dalam pembelajaran dan pengajaran boleh menarik minat mereka untuk melibatkan diri dalam pengajaran bahasa dan budaya Melayu. Maka, Aplikasi *Trail Shuttle* diperkenalkan kepada murid Darjah 4 ini dengan tujuan untuk membuktikan keberkesanan kaedah pengintegrasian ICT dapat meningkatkan penglibatan murid dalam pelajaran bahasa dan budaya Melayu. Murid dirangsang dengan menggunakan iPad bagi mendorong mereka terlibat secara lebih aktif dalam pembelajaran.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. melihat keberkesanan penggunaan ICT (iPad) dapat meningkatkan penglibatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa dan budaya Melayu; dan
2. merangsang minat murid dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa dan budaya Melayu melalui Aplikasi *Trail Shuttle*.



PERNYATAAN MASALAH

Melalui pemerhatian guru-guru, murid didapati kurang melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran. Kurang mendapatkan respons daripada murid boleh menjejaskan suasana pembelajaran. Walaupun guru berusaha mengajar murid dengan pelbagai strategi, masih terdapat beberapa orang murid yang mendiamkan diri. Mereka juga mudah berasa bosan dengan aktiviti tersebut sehingga lambat memberi respons kepada guru atau ketika dalam perbincangan kelas. Oleh itu, guru berhadapan dengan masalah bagaimana hendak mendapatkan penglibatan setiap murid dalam pengajarannya.

Yahya dan Dayang Rini Pakar (2011) mengatakan bahawa pengajaran Bahasa Melayu tidak terkecuali daripada pengaruh penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Sejajar dengan pandangan mereka itu, murid- darjah 4 telah diarahkan untuk memberikan maklum balas tentang penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran. Dengan berpandukan borang maklum balas ini, didapati bahawa seramai 94% murid - ini mengatakan bahawa penggunaan ICT dalam pembelajaran bahasa dan budaya Melayu boleh menarik minat mereka dan sekali gus mereka dapat melibatkan diri dalam aktiviti kelas. Murid-i juga sebulat suara menyatakan bahawa penggunaan ICT membawa keseronokan dalam pembelajaran mereka.

KAJIAN LEPAS

Keperluan untuk mengadakan lebih banyak peluang untuk menggunakan bahasa sasaran di luar bilik darjah telah ditegaskan oleh beberapa orang penyelidik. Contohnya, Ellis (1988), Swain dan Lapkin (1986), Swain dan Wong Fillmore (1984). Oleh yang demikian kaedah Pembelajaran Luar Bilik Darjah telah dilaksanakan agar matlamat pengajaran dan pembelajaran bahasa dan budaya Melayu tercapai. Kaedah ini menyediakan pelbagai peluang untuk murid belajar dalam suasana yang dinamik dan menyeronokkan.

Menurut Vavoula, Sharples, Rudman, Meek, dan Lonsdale (2009) ciri-ciri terbaik alat-alat elektronik bijak ialah bentuknya yang kecil dan mudah dibawa ke mana-mana.



Menurut para pendidik yang pernah menggunakan iPad bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran jelas menunjukkan keberkesanan penggunaan alat elektronik ini sebagai wadah yang boleh merangsang minat dan penglibatan murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Fikir Amin Md Said dan Sawiyah Mohamed Sidek (2014) juga menyatakan bahawa murid mereka telah menunjukkan kesungguhan dalam melakukan setiap tugas yang diberi dengan mengintegrasikan ICT dalam pembelajaran. Kajian pengajaran kedua-dua pendidik ini juga telah memperkenalkan aplikasi *Trail Shuttle* kepada para murid mereka. iPad sebagai bahan bantuan pembelajaran mereka itu. Sebenarnya, aplikasi *Trail Shuttle* memang mudah digunakan oleh setiap murid. Pemilihan aplikasi yang sesuai adalah penting ketika mereka pembelajaran '*mobile-learning*' untuk menggalakkan Pembelajaran Luar Bilik. Sekiranya pemilihan aplikasi yang sukar digunakan oleh murid, maka objektif pembelajaran tidak akan tercapai. Murid akan mudah berputus asa apabila bahan pembelajaran itu menyukarkan mereka. Dapatan kajian pengajaran kedua-dua pendidik ini juga menunjukkan bahawa penggunaan iPad atau aplikasi *Trail Shuttle* dapat membantu meningkatkan penglibatan setiap murid dalam pelajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (BM). Menurut mereka lagi, tahap kerjasama yang utuh dapat dilihat ketika menjalankan aktiviti tersebut. Oleh demikian masalah kekurangan penglibatan murid dalam aktiviti pembelajaran jelas dapat ditangani melalui kaedah mengintegrasikan ICT (iPad) dalam pembelajaran.

Penggunaan aplikasi Trail Shuttle membolehkan murid, terutama murid yang kurang berminat dan kurang berinteraksi, mengambil bahagian dalam aktiviti tersebut. Oleh demikian, penggunaan ICT ini dapat meningkatkan penglibatan atau minat mereka untuk belajar secara aktif.

KAEDAH KAJIAN

Kajian yang dijalankan merupakan kajian tinjauan berbentuk kuantitatif dan kualitatif. Maklumat tentang penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran diperoleh melalui instrumen borang tinjauan murid dan pemerhatian guru. Ia dipilih berdasarkan ingin tahu mengapa murid kurang melibatkan diri dan tidak nampak kesungguhan mereka ketika melakukan



aktiviti pembelajaran. Guru-guru Darjah 4 terlibat secara kumpulan semasa melaksanakan kajian ini.

iPad dipilih dengan teliti untuk dijadikan sebagai bahan bantuan pembelajaran bagi menyokong pelaksanaan Pembelajaran Luar Bilik Darjah. Dengan pengintegrasian bahan bantuan pembelajaran ini dapat memudahkan pelajar untuk bergerak di kawasan sekolah sambil belajar Bahasa Melayu dan Budaya dalam situasi yang berbeza. Pengajaran dan pembelajaran berlaku di luar situasi kelas.

Penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran bagi memperkukuh usaha menyediakan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21. Seajar dengan apa yang disuarakan oleh Encik Heng Swee Keat (2014), Menteri Pendidikan Singapura yang menggalakkan guru-guru menggunakan ICT dalam pembelajaran kerana ini boleh merubah fokus pelajar terhadap pengajaran di dalam kelas. Encik Heng percaya bahawa guru dapat memberi penekanan kepada pembelajaran berpusatkan pelajar dan dapat mengendalikan pengajaran bagi pelajar yang mempunyai kecerdasan yang pelbagai.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada sekumpulan murid Darjah 4 seramai 50 orang. Murid Darjah 4 ini merupakan murid tahap cemerlang, sederhana dan lemah.

Instrumen Kajian

Bagi melaksanakan kajian ini, aplikasi *Trail Shuttle* digunakan untuk menjalankan aktiviti '*mobile-learning*' secara berkumpulan. Setiap kumpulan menggunakan aplikasi *Trail Shuttle* yang terdapat dalam perisian aplikasi iPad. iPad dan *Trail Shuttle* memudahkan guru untuk menjalankan kaedah Pembelajaran Luar Bilik Darjah disebabkan penggunaannya amat mudah. Dengan ini, guru dapat menggunakan kaedah mengintegrasikan ICT dalam pembelajaran.



Prosedur Kajian

Guru dan murid didedahkan kepada iPad dan aplikasi *Trail Shuttle* terlebih dahulu sebelum sesi pelajaran dijalankan supaya jelas akan fungsi yang terdapat dalam aplikasi iPad dan *Trail Shuttle*. Oleh sebab aktiviti ini bersifat ‘*mobile-learning*’, pengajaran dan pembelajaran dilakukan di beberapa buah tempat dalam kawasan sekolah seperti dewan sekolah, kantin, bilik darjah dan taman sekolah. Terdapat beberapa langkah yang dilakukan:

1. Pada peringkat pengenalan, guru menjelaskan kepada murid matlamat pembelajaran (*TST – Framing the Learning/Clarity*).
2. Guru menerangkan tentang kandungan aktiviti, peraturan aktiviti, tugas setiap kumpulan dan individu serta kepentingan kesejahteraan siber semasa melakukan aktiviti.
3. Guru menayangkan pula borang tinjauan yang perlu diisi oleh murid setelah melakukan aktiviti.

Pada peringkat pengenalan, guru menerangkan kepada murid bahawa aktiviti ini dilakukan sempena program DwiMingguan Bahasa Ibunda dengan tujuan memupuk minat terhadap bahasa dan budaya Melayu. Selain daripada itu, guru menerangkan kepentingan berkolaborasi sambil belajar dan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang untuk murid merupakan aktiviti yang melibatkan kesemua murid.

Seterusnya, guru menerangkan kandungan aktiviti yang terdiri daripada soalan-soalan yang menguji pengetahuan murid mengenai budaya, peribahasa, pengetahuan am dan semasa. Murid harus meneroka kawasan sekolah dengan mengikut klu yang diberikan untuk menuju ke lima buah ‘*hotspot*’. Soalan hanya akan diperolehi murid jika mereka berjaya pergi ke ‘*hotspot*’ yang betul. Terdapat seorang guru di ‘*hotspot*’ yang ditetapkan bagi membantu murid melaksanakan aktiviti dengan lebih sempurna. Murid dikehendaki bekerja secara kumpulan untuk menjawab soalan-soalan yang diberi. Klu yang diberikan merangkumi gambar, video dan juga pautan laman web. Bagi membuat aktiviti lebih menarik, murid juga dikehendaki melakukan gerakan fizikal bagi salah satu soalan yang mengehendaki kesemua murid menari tarian Bhangra.



Peraturan aktiviti diharapkan dapat memupuk sikap bekerjasama, keterlibatan setiap ahli kumpulan secara menyeluruh dan mengamalkan sikap hormat-menghormati antara satu sama lain. Murid juga diterangkan tentang kepentingan keamanan siber semasa melakukan aktiviti. Sebagai contoh, murid dikehendaki memberi sebarang komen dengan sopan serta menggunakan bahasa yang baik. Murid dikehendaki melakukan aktiviti itu dalam masa 40 minit. Setiap kumpulan harus meneroka kesemua ‘hotspot’ dan menjawab semua soalan. Setiap soalan diberikan markah.

Setelah selesai melakukan aktiviti, guru merumuskan pengajaran dan menyemak jawapan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian yang digunakan merupakan data kuantitatif dan kualitatif. Data kuantitatif didapatkan berdasarkan respons yang didapati melalui borang penilaian yang diberikan kepada murid. Data kualitatif pula didapatkan melalui pemerhatian yang dilakukan oleh tiga orang guru Darjah 4. Perbincangan dijalankan oleh para guru mengenai perkara-perkara yang telah dipantau semasa pengajaran dijalankan. Hasil perbincangan membawakan persetujuan antara semua guru bahawa aktiviti yang telah dijalankan mempunyai beberapa kekuatan dan juga aspek-aspek yang perlu diperbaiki. Berikut merupakan perkara-perkara yang diajukan kepada murid di dalam borang maklum balas bagi mendapatkan respons mengenai aktiviti yang dijalankan:

Penggunaan iPad dalam pembelajaran boleh:

1. menarik minat saya dalam subjek Bahasa Melayu;
2. menggalakkan saya terlibat secara aktif di dalam kelas;
3. memberikan suasana pembelajaran yang menyeronokkan; dan
4. memberi saya peluang mempelajari kemahiran ICT.

Data kuantitatif yang diraih melalui respons maklum balas memberikan gambaran tentang pengalaman murid melalui aktiviti tersebut. Antara kekuatan yang didapati ialah penglibatan aktif daripada murid. 100% murid menyatakan bahawa aktiviti itu telah menggalakkan mereka untuk terlibat secara aktif,



menarik minat mereka dalam subjek Bahasa Melayu dan memberi mereka peluang mempelajari kemahiran ICT. Selain daripada itu juga, maklum balas menunjukkan kejayaan para guru menerbitkan suasana yang seronok untuk murid melakukan Pembelajaran Luar Bilik Darjah dengan menggunakan ICT. 90% menyatakan bahawa aktiviti tersebut memberikan suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Setiap ahli kumpulan didapati bekerjasama dengan aktif untuk aktiviti yang diberikan.

Data kuantitatif membuktikan bahawa kaedah Pembelajaran Luar Bilik Darjah dengan menggunakan ICT adalah sangat baik untuk meningkatkan minat para murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Keputusan murid juga menunjukkan bahawa pembelajaran cara ini efektif. 82% murid telah mendapat markah sekurang-kurangnya 18 daripada jumlah 20 markah.

Para guru mendapati setiap murid terlibat dengan aktif apabila menjalani aktiviti '*mobile-learning*' ini. Murid dapat bergerak sambil belajar dalam suasana yang dinamik. Murid amat berminat menggunakan iPad dalam pembelajaran kerana ia bersifat dinamik dan relevan mengikut perkembangan masa. Murid betul-betul berminat untuk menjawab setiap soalan yang diajukan dan berusaha bersama untuk menyelesaikan soalan yang dikemukakan. Selain daripada itu, mereka juga berlumba-lumba untuk membuat yang terbaik kerana jawapan mereka dinilai dan diberi markah.

Para guru juga prihatin terhadap perkara-perkara yang perlu diperbaiki supaya pengajaran ini dapat dilakukan dengan lebih berjaya pada masa hadapan. Pertama, murid harus diberikan soalan-soalan yang lebih mencabar. Terdapat beberapa kumpulan yang berjaya melakukan aktiviti tersebut dalam masa yang amat singkat. Ini memberikan maklum balas kepada guru bahawa aktiviti itu agak mudah untuk tahap mereka.

Kedua, para guru harus menerapkan pelbagai jenis soalan yang membolehkan murid memanfaatkan pelbagai jenis fungsi IT yang terdapat di dalam iPad dan aplikasi *Trail Shuttle* tersebut. Misalannya, guru boleh menyuruh murid menjawab soalan bukan sahaja dengan menaip teks tetapi dengan membuat rakaman video, audio atau mengambil gambar.



Ketiga, maklum balas murid boleh diperoleh melalui aplikasi iPad juga supaya sebarang maklum balas murid boleh dikongsi bersama selepas aktiviti itu. Penggunaan ICT dalam hal ini akan memudahkan lagi tugas guru untuk mendapatkan respons yang pantas mengenai pembelajaran yang telah dijalankan.

KESIMPULAN

Setelah kajian dijalankan, semua guru berbincang dan membuat refleksi. Para guru bersetuju bahawa kajian ini telah banyak membantu guru untuk menjadi pendidik yang lebih efektif dalam menghasilkan pengajaran bahasa yang lebih menarik dan efektif. Guru dapat membudayakan penggunaan ICT dalam amalan pengajaran dan pembelajaran dan akhirnya membuahkan masyarakat yang berkemampuan teknologi yang mampu bersaing pada abad ke-21 ini. Guru harus sentiasa berusaha mempertingkatkan kemahiran diri dalam bidang ICT sejajar dengan transformasi pendidikan masa ini untuk mendapatkan penglibatan murid dengan efektif dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Kajian ini juga telah membuka mata para guru bahawa murid dalam era digital ini memang gemar menggunakan kaedah ICT dalam pembelajaran. Sebelum ini, setiap guru mempunyai pandangan yang berbeza mengenai hal ini. Oleh sebab itu, guru harus mengambil kesempatan minat murid ini dan menggunakannya untuk pembelajaran Bahasa Melayu. Jika murid lebih berminat belajar Bahasa Melayu, usaha guru untuk melestarikan bahasa dan budaya akan menjadi lebih mudah dan bermakna.

Sebelum ini, terdapat beberapa orang murid yang didapati tidak begitu berminat dalam pelajaran Bahasa Melayu kerana menganggap subjek ini sukar dan membosankan. Para guru berbincang dengan mendalam untuk memperbaharui suasana pembelajaran supaya murid daripada pelbagai tahap dapat belajar dalam suasana yang lebih seronok dan memberangsangkan.

Aplikasi *Trail Shuttle* dan iPad yang digunakan dalam kajian ini telah berjaya merangsang minat murid dalam pelajaran Bahasa Melayu kerana aktiviti ini telah mewujudkan suasana pembelajaran yang seronok dan dinamik. Dengan kaedah Pembelajaran Luar Bilik Darjah dan juga kaedah



pengintegrasian ICT, penglibatan murid dalam pembelajaran BM dapat dilihat melalui kesungguhan murid ini melakukan aktiviti pembelajaran. Tambahan pula, kajian ini juga berjaya mencapai matlamat pembelajaran yang diharapkan pihak MOE iaitu untuk melahirkan individu yang cekap dan yakin menggunakan ICT dalam pembelajaran. Pengajaran dan pembelajaran ini telah berjaya mengasah kemahiran murid berinteraksi dengan aktif dalam suasana yang dinamik.

Nota:

Guru yang turut terlibat dalam kajian yang dijalankan.

1. Kasimah Kassim



RUJUKAN

- Ellis, R. (1988). *Classroom Second Language Development*. London: Prentice Hall.
- Heng Swee Keat (2014). Menteri Pendidikan Singapura semasa membentangkan pelan kerja Kementerian Pendidikan pada tahun 2012
- Swain, M., & Lapkin, S. (1986). *Immersion French in Secondary Schools: The Goods and the Bads*. *Contact*, 5, 2-9.
- Swain, M., & Wong Fillmore, L. (1984). Child Second Language Development: Views from the Field on Theory and Research. Paper presented at the meeting of the Teachers of English as a Second Language, Houston, Texas.
- Vavoula, G., Sharples, M., Rudman, P., Meek, J., & Lonsdale, P. (2009). *Myartspace: Design and Evaluation of Support for Learning with Multimedia Phones between Classrooms and Museums*. *Computers & Education*, 53, 286–299.
- Wang, J., Doll, J., W., Deng, X., Park, K. & Yang, G.M. (2013). *The Impact of Faculty Perceived Reconfigurability of Learning Management Systems on Effective Teaching Practices*. *Computers & Education*, 61, 146–157
- Yahya Othman & Dayang Rini Pakar. (2011). Kesan Aplikasi Perisian Cerita Interaktif Semasa Mengajarkan Kemahiran Bacaan dan Kefahaman dalam Kalangan Murid Tahun 4 di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 27-49.
- Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2008). *Teknologi Maklumat & Komunikasi Dalam Pengajaran Dan Pemelajaran Bahasa Melayu: Teori dan Praktis*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.

